

06/09/1997

Bumiputera disaran manfaat peluang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Melayu menjadi bangsa peneroka yang sedia menyahut cabaran menjadi bangsa termaju. Presiden Umno meminta ahli parti itu tidak membiarkan pihak lain memonopoli ilmu baru sedangkan Umno masih meronta-ronta di belakang.

"Ahli Umno tidak harus membiarkan peluang yang wujud di sekeliling mereka dan sebaliknya berada di depan bagi memperolehi manfaat daripada peluang itu," katanya dalam kata-kata aluan Penyata Tahunan Umno sempena Perhimpunan Agung Umno 1977.

Perdana Menteri juga meminta orang Melayu supaya membabitkan diri dalam arena teknologi maklumat, sains dan teknologi kerana bidang terbabit berupaya menguntungkan mereka.

Arus pembangunan tidak patut menyebabkan orang Melayu tenggelam di samping meminta mereka supaya membuat sumbangan dan memainkan peranan sewajarnya dalam pembangunan itu.

"Tetapi, dalam kita berusaha mewujudkan sebuah negara yang maju dan hasil pembangunan dinikmati semua, kita tidak harus lupa terhadap kesan sosial," katanya yang tidak mahu pembangunan dipersalahkan sebagai penyebab gejala itu.

Yang penting, katanya, pendekatan dan tindakan lebih berkesan oleh semua pihak dalam menangani masalah itu.

Dr Mahathir turut menyifatkan pemansuhan perkataan 'Baru' dalam Umno sebagai tindakan yang berkesan untuk menghapuskan sebarang keraguan terhadap Umno sebagai satu-satunya parti yang menjadi peneraju dan pelindung orang Melayu sejak ditubuhkan 50 tahun lalu.

(END)